

Cederakan anggota TLDM

Omardin dihadap ke mahkamah

24 NOV 1989

B. Harian (M)

PANTAI REMIS, Khamis — Mahaguru Seni Silat Lincak Malaysia, Haji Omardin Haji Mawai Din, hari ini dihadap ke Mahkamah Majistret di sini, atas tuduhan gagal menjaga ketenteraman awam dan berkelakuan baik dengan mencederakan seorang anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Haji Omardin, 44, yang sedang menjalani perintah sekatan di mukim Lumut selama dua tahun, tidak mengaku salah dan dibenarkan ikat jamin \$600 hingga perbicaraannya pada 21 Disember 1990.

Mahaguru Seni Silat Lincak itu dijamin oleh seorang pengikutnya.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu mengikut Ordinan Darurat (Keselamatan Awam dan Mencegah Jenayah) 1960 di sebuah hotel di Lumut, kira-kira jam 12.30

Oleh DZULKIFLEY ZANUDIN

tengah malam 22 November lalu. Jika sabit kesalahan, dia boleh dikenakan hukuman mandatori penjara di antara dua dan lima tahun.

Sementara itu, di Lumut, Ketua Polis Daerah Manjung, Pemangku Penguasa Mohd Najib Abdul Aziz, berkata Haji Omardin sepatutnya mengakhiri perintah sekatan di mukim Lumut, November tahun depan.

Sebelum itu, Haji Omardin diperintahkan ditahan di Pulau Jerejak, Pulau Pinang selama dua tahun sebelum diarah dikenakan sekatan di Pulau Pangkor dan mukim Lumut selama dua tahun lagi.

Katanya, dalam kejadian terbaru, Haji Omardin dihadap ke mahkamah atas tuduhan mencederakan seorang anggota TLDM berusia 32 tahun.

Anggota TLDM itu yang berpangkalan di Lumut, cedera ringan dan dimasukkan ke hospital daerah Lumut sebelum dipindahkan ke Hospital Besar Ipoh. Dia masih dirawat kerana lebam di muka, leher, dada dan pipi.

Katanya, Haji Omardin ditahan beberapa jam selepas kejadian itu ketika diminta hadir ke balai polis daerah untuk membantu siasatan.

Pada peringkat awal sekatan akhir tahun lalu, Haji Omardin diperintah berada di Pulau Pangkor, tetapi awal tahun ini dia dibenarkan berpindah tempat ke Lumut dan menginap di sebuah hotel di sini.